

D,R. 19/97

Naskah Sahib—Bahasa Kebangsaan

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meninda Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 1997. Tajuk ringkas.

2. Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dalam seksyen 2 dengan memasukkan selepas takrif "harta" takrif yang berikut: Pindaan seksyen 2. Akta 533.

"ketua pegawai eksekutif ertinya ketua pegawai eksekutif yang dilantik di bawah subseksyen 6A(1) dan termasuklah mana-mana orang yang dilantik di bawah subseksyen 6A(3);".

3. Seksyen 6 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan angka dan tanda "6." dengan angka dan tanda "6. (1)";

Pindaan seksyen 6.

(b) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

"(1) Lembaga hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

(a) Ketua Setiausaha Perbendaharaan, yang hendaklah menjadi Pengerusi;

(b) Peguam Negara atau wakilnya;

(c) Ketua Pengarah Perkhidmaian Awam atau wakilnya;

(d) tidak lebih daripada dua orang lain yang mewakili Kerajaan, yang hendaklah dilantik oleh Menteri; dan

(e) tidak lebih daripada dua orang lain yang hendaklah dilantik oleh Menteri.";

(c) dalam subseksyen (2) dengan menggantikan perkataan "(1)(c)" dengan perkataan "(1)(e)"; dan

(d) dengan memotong subseksyen (3).

4. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 6 seksyen yang berikut:

***Ketua pegawai eksekutif.

6A. (1) Menteri hendaklah, atas syor Lembaga, melantik seorang ketua pegawai eksekutif yang hendaklah bertanggungjawab bagi pentadbiran harian Lembaga.

(2) Pelantikan ketua pegawai eksekutif hendaklah diberitahukan dalam *Warta*.

(3) Sekiranya ketua pegawai eksekutif buat sementara waktu tidak berdaya melaksanakan tugasnya disebabkan dia sakit atau apa-apa sebab lain, seorang lain bolehlah dilantik oleh Menteri untuk bertindak bagi menggantikan ketua pegawai eksekutif itu dalam tempoh ketakdayaan itu."

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 3
(Pindaan)

5. Seksyen 7 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "anggota selain daripada Ketua Setiausaha atau Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan," dengan perkataan "anggota yang dilantik di bawah perenggan 6(1) (d) atau (e)".

Pindaan
seksyen7.

6. Seksyen 9 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen9-

(a) dalam subseksyen (1) dengan menggantikan perkataan "anggota, selain daripada Ketua Setiausaha atau Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan" dengan perkataan "anggota yang dilantik di bawah perenggan 6(l)(d) atau (e)"; dan

(b) dalam subseksyen (2) dengan memasukkan selepas perkataan "anggota" perkataan "yang dilantik di bawah perenggan 6(l)(d) atau (e)".

7. Subseksyen 20(2) dan 20(3) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "Pengerusi" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "ketua pegawai eksekutif".

Pindaan
seksyen20.

8. Subseksyen 30(1) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "Pengerusi atau Ketua Pengarah, mengikut mana-mana yang berkenaan" dengan perkataan "Ketua Pengarah".

Pindaan
seksyen 30.

9. Jadual Kedua kepada Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan butiran 13 dengan butiran yang berikut:

Pindaan
Jadual
Kedua.

"13. Akta Galakan Pelaburan 1968."

10. Jadual Ketiga kepada Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan butiran 4 dengan butiran yang berikut:

Pindaan
Jadual
Ketiga.

"4. Pemungut Duti Harta Pesaka di bawah Enakmen Duti HartaPesaka 1941,".

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 ("Akta").

2. *Fasal 3* Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda seksyen 6 Akta supaya Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia tidak lagi mempunyai seorang Pengerusi Eksekutif. Di bawah pindaan yang dicadangkan dalam perenggan (*b*), Ketua Setiausaha Perbendaharaan akan, berdasarkan jawatannya, menjadi Pengerusi Lembaga.

3. *Fasal 4* Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 6A yang mengadakan peruntukan bagi pelantikan seorang ketua pegawai eksekutif Lembaga. Ketua pegawai eksekutif akan bertanggungjawab bagi pentadbiran harian Lembaga.

4. Pindaan-pindaan lain yang dicadangkan dalam Rang Undang-Undang ini adalah pindaan-pindaan kecil atau berbangkit

IMPUKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 2007.]